

08/07/2004

Tiada kejutan, ramai pemimpin tak dicabar

By Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Mesyuarat perwakilan Umno bahagian yang bermula hari ini sehingga 22 Julai, dijangka tidak menyaksikan kejutan besar setelah kebanyakan pemimpin kanan parti termasuk di kalangan menteri dijangka menang tanpa dicabar.

Setakat ini, hanya dua menteri terbabit dalam pertandingan pada peringkat ketua bahagian iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di bahagian Kota Tinggi dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis di Rompin.

Syed Hamid yang mempertahankan jawatan ketua sejak 10 tahun lalu, buat kali pertama dicabar oleh Ketua Pemuda Umno bahagian itu, Rosleli Jahari, manakala Jamaluddin yang juga Timbalan Penaja Ketua Bahagian Rompin mencabar Ketua Penaja bahagian itu, Datuk Hassan Ariffin.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said yang mempertahankan jawatan Naib Ketua Umno Bahagian Pengerang pula dijangka dicabar Datuk Syed Sies Syed Abdul Rahman, seorang ahli perniagaan yang juga ahli jawatankuasa bahagian dan Abdul Kadir Basok, juga seorang ahli jawatankuasa bahagian.

Hanya dua bahagian bermesyuarat hari ini, iaitu Umno Bahagian Cheras di sini pada jam 2 petang dan Batu Gajah di Perak pada jam 8 malam ini. Ketua Penaja Umno Bahagian Batu Gajah, Datuk Yusof Kassim sudah menang tanpa dicabar.

Umno Cheras yang diketuai Senator Datuk Syed Ali Alhabshee, sekali lagi menempa sejarah apabila semua jawatan di bahagian itu termasuk Wanita, Pemuda dan Puteri dimenangi tanpa dicabar.

Enam bahagian pula bermesyuarat Sabtu ini iaitu bahagian Hulu Terengganu (Terengganu), Jeli (Kelantan), Ipoh Barat (Perak), Baling dan Merbok (Kedah) serta Pensiangan di Sabah.

Ahad ini pula 57 bahagian bermesyuarat termasuk bahagian Rompin di Pahang manakala pada 17 Julai 32 bahagian mesyuarat termasuk bahagian Gua Musang yang diketuai Tengku Razaleigh Hamzah.

Mesyuarat bahagian itu menjadi tumpuan, sama ada ia mencalonkan Ahli Parlimen Gua Musang untuk jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden atau tidak dicalonkan untuk sebarang jawatan.

Timbalan Ketua Bahagian Gua Musang, Mohd Saufi Deraman ketika dihubungi semalam berkata, pihaknya belum lagi membuat keputusan mengenai jawatan untuk ditandingi Tengku Razaleigh.

Bahagian paling banyak bermesyuarat ialah pada 18 Julai ini iaitu 71 termasuk bahagian Kepala Batas yang diketuai Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bahagian Pekan yang diketuai Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak.

Kedua-dua pemimpin itu sudah menang tanpa dicabar dan dua bahagian itu kemungkinan besar mengambil pendirian berkecuali dengan tidak mencalonkan sesiapa untuk jawatan tertinggi dalam parti.

Tumpuan pasti kepada pencalonan oleh 189 bahagian lain bagi jawatan tertinggi dalam parti iaitu Presiden, Timbalan Presiden, tiga jawatan Naib Presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi (MT).

Bagaimanapun, sekurang-kurangnya 50 bahagian lain dijangka menyaksikan persaingan sengit untuk merebut jawatan ketua bahagian sama ada membabitkan timbalan menteri, setiausaha Parlimen, ahli Exco negeri atau bekas menteri.

Misalnya, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Mahadzir Mohd Khir, mencuba

nasib bagi Ketua Bahagian Sungai Petani berdepan dengan penyandang, Abu Bakar Ahmad.

Di Marang, Terengganu menyaksikan pertandingan di antara Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains & Teknologi dan Pembangunan Sumber negeri, Datuk Dr Abdul Latiff Awang setelah Ketua Penaja bahagian itu, Datuk Muda Mamat yang tidak bertanding pada pilihan raya umum lalu mengundur diri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Adham Baba, pula dijangka merebut jawatan Ketua Bahagian Tenggara bagi menentang Ketua Wanita Umno Johor, Datuk Halimah Mohd Sadique yang juga Ketua Penaja bahagian itu.

Di bahagian Kota Melaka, bakal menjadi rebutan antara Ketua penajanya, Datuk Amid Nordin dan bekas Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik untuk pusingan ketiga setelah bekas Ketua Menteri itu tewas dalam dua pertandingan sebelum ini.

Ketua Penaja Puteri Umno Johor, Haliza Abdullah, 37, pula bertanding merebut jawatan Ketua Wanita Umno Batu Pahat dengan mencabar penyandanganya, Shamsiah Rashidah Ibrahim, 61, yang mula menerajui pergerakan itu pada pemilihan bahagian empat tahun lalu.

Di Kelantan, seramai enam penyandang ketua Umno bahagian sudah diisytihar menang tanpa bertanding termasuk Ketua Penaja Umno Bahagian Jeli, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Annuar Musa (Ketereh), Datuk Noor Zahidi Omar (Tumpat), Tengku Razaleigh (Gua Musang), Datuk Ramzi Abdul Rahman (Kuala Krai) dan Datuk Dr Awang Adek Hussin (Bachok).

Anak kelima bekas Perdana Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir pula merebut jawatan Ketua Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu.

Penyandang Ketua Pemuda Umno Putrajaya, Mohd Khairun Aseh ditentang naibnya, Abdul Zaki Zahid yang juga Ketua Unit Dasar Pejabat Perdana Menteri.

(END)